

Wujud undang-undang khas tangani kumpulan pengganas

Aspek pemantauan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang membabitkan pengaruh militan atau kumpulan pengganas yang semakin banyak wujud di alam siber bukan hanya terletak di bahu Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama bersepadu semua pihak.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan maklumat risikan bahawa sasaran untuk menyertai kumpulan militan mula menular bukan sahaja dalam kalangan golongan dewasa, malah remaja di institusi pengajian tinggi (IPT). Ada juga maklumat, kegiatan terbabit sudah mempengaruhi pelajar sekolah. Mengapa pelajar IPT dan sekolah menjadi sasaran? Jawapannya mudah. Mereka yang dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun adalah golongan paling senang untuk dipengaruhi pihak yang ada agenda tertentu.

Pengaruh media sosial

Antara sebab lain adalah kerana penggunaan media sosial seperti Facebook dan Twitter yang menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian golongan itu masa kini. Bukan sahaja landasan media sosial terbabit menjadi saluran komunikasi utama kumpulan anak muda dalam negara kita, malah ia juga dianggap sebagai sumber maklumat utama dan



SKMM patut meningkatkan usaha menangani isu militan siber.

[FOTO HIASAN/BH]

sahih bagi mereka. Selain agensi yang berkaitan, peranan ibu bapa juga penting.

Suka ataupun tidak, ibu bapa terpaksa menggalas tanggungjawab yang besar untuk memastikan anak mereka menggunakan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dengan cara betul tanpa pengaruh yang boleh merosakkan.

Alam siber diibaratkan sebagai tempat utama bagi golongan

kanak-kanak dan remaja bagi mengembangkan dunia pengetahuan mereka serta berkomunikasi dengan pelbagai pihak. Kekayaan maklumat dalam alam siber juga merangkumi pelbagai bentuk hiburan dan segala-galanya mampu dilakukan dengan sekali klik saja. Kemudahan ini juga boleh menyebabkan golongan terbabit terdedah kepada elemen negatif termasuk pengaruh militan dan kumpulan pengganas.

Guru, pentadbir universiti bendung kegiatan

Bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada merawat. Justeru, ibu bapa perlu sentiasa memantau penggunaan internet oleh anak mereka dan sentiasa peka jika ada sebarang perubahan ketara terhadap kelakuan, karektor atau personaliti mereka. Guru sekolah serta pentadbir universiti dan kolej juga boleh memainkan peranan bagi membendung masalah terbabit dengan sentiasa memantau aktiviti dan program pelajar di tempat mereka. Jika ada perkara meragukan, ia hendaklah dilaporkan kepada pihak berwajib dengan segera. Pada masa sama, pelajar yang disyaki perlu dihantar segera untuk tujuan kaunseling bagi proses penilaian.

Disamping itu, kerajaan boleh menguatkuasa segala peruntukan yang berkaitan dalam negara bagi membendung masalah berterusan menular dan mempengaruhi kanak-kanak dan remaja seperti dalam Kanun Keseksan yang baru dipinda pada tahun 2012 yang mewujudkan kesalahan baharu untuk menangani ancaman pengganas, sabotaj, pengintipan dan aktiviti yang mungkin dapat menjejaskan demokrasi berparlimen negara kita serta Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Jika ia tidak mencukupi, perlu diadakan undang-undang khas bagi menangani kegiatan militan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

atau kumpulan pengganas daripada terus berleluasa di alam siber ataupun menambah kuasa pencegahan dan penguatkuasaan agensi yang berkaitan untuk menangani isu militan siber. Memandangkan kebanyakan pengaruh militan serta kumpulan pengganas ini banyak berpusat serta berada di luar negara, kerajaan hendaklah menjalin kerjasama setiap masa dengan semua negara dunia. Kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berjaya dimenangi oleh Malaysia juga boleh dimanfaatkan untuk mengatasi masalah militan siber serta yang berkaitan dengannya.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia